

# UMS wakil negara ke Piala Dunia SIFE di AS

BH 01-10-2012 5

**Kuala Lumpur:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mewakili negara ke program Piala Dunia Pelajar Dalam Perusahaan Bebas (SIFE) di Pusat Konvensyen Walter E Washington, Washington DC, Amerika Syarikat, mulai kelmarin hingga esok.

Pada program itu, UMS akan membentangkan tiga projek keusahawanan dan komuniti yang berjaya meningkatkan taraf hidup lebih 1,500 masyarakat di tiga daerah iaitu Kota Belud, Tuaran dan Ranau.

Projek berkenaan adalah Eco-Purse Fasa 2 di Pulau Mantanani yang berjaya menghasilkan pembungkus plastik mudah reput bagi mengurangkan longgokan sampah di pulau itu.

Borneo Coco pula adalah projek untuk membantu 30 usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terbabit dengan pembuatan puding kelapa di Jalan Sulaman, Tuaran.

## Guna tahi lembu hasil biogas

Projek Bio Energy menggunakan tahi lembu pula menghasilkan biogas untuk membantu komuniti di Kampung Maridi, Ulu Sugut, Ranau dengan membekalkan bio-tenaga menerusi bimbingan Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur, berkata SIFE UMS diwakili 13 pelajar dan dua penasihat akademik, serta seorang pegawai pengiring.

Katanya, UMS yang juga juara SIFE peringkat kebangsaan dan pernah memasuki peringkat separuh akhir pada temasya Piala Dunia SIFE akan bersaing dengan 29 universiti mewakili negara masing-masing.

“Semua peserta sudah bersedia membentangkan projek dan menjawab soalan juri serta pesaing mereka dari negara lain,” katanya dalam e-mel kepada BH, semalam.